

ADAT ISTIADAT DALAM PERLANTIKAN
PEMIMPIN MASYARAKAT ADAT PERPATIH
DI NEGERI SEMBILAN

OLEH

BORHANA MOHD. SHARIFF

LATIHAN ILMIAH INI DIKEPERKAKAN KEPADA

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA UNTUK

MEMENUHI SEBAHAGIAN DARI SYARAT-SYARAT

IJAZAH SARJANA MUDA SASTERA DENGAN

KEPUJIAN DI JABATAN PERSURATAN MELAYU.

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

BANGI

1978/79

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah,
Yang pemurah lagi Maha Penyayang.

Saya bersyukur kehadiran Illahi kerana telah dapat menyempurnakan latihan ilmiah ini. Walaupun ia tidak sebaik mungkin, namun saya ingin merakamkan rasa terima kasih kepada mereka yang terlibat ^{dalam} usaha menjayakan latihan ilmiah ini. Sumbangan mereka begitu besar ertinya bagi saya.

Pertama-tama ucapan terima kasih ini ditujukan kepada penyelia saya Encik Ismail Hamid, yang telah bersusah payah memberi tunjuk ajar berupa nasihat, pandangan dan pemikiran-pemikiran yang saya sifatkan begitu bermanfaat. Dan kepada kedua ayah ibu dan keluarga, terima kasih atas galakan dan perangsang yang telah diberikan.

Kajian saya melibatkan pertemuan dengan beberapa orang tokoh adat di Rembau. Oleh itu, saya berterima kasih kepada bapa saudara saya Encik Omar b. Yassin yang telah bermurah hati melapangkan sedikit masa membawa saya menemui mereka. Setinggi-tinggi penghargaan saya persembahkan kepada tokoh-tokoh adat itu yang terdiri dari:

- a) Datuk Maharaja Inda Samad b. Hassan,
Datuk Lembaga suku Tanah Datar, sebelah baroh.
- b) Datuk Sri Maharaja Abu Kassim b. Abd. Rahman,
Datuk Lembaga suku Paya Kumbuh, sebelah darat.
- c) Datuk Perba Abdul Aziz b. Hussein, Ketua
Waris suku Biduanda.

Akhir sekali, terima kasih tidak terhingga kepada pihak Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Malaya dan Dewan Bahasa dan Pustaka atas kemudahan-kemudahan yang telah disediakan. Tidak lupa juga kepada saudara Mastura bte Itam yang telah sudi menaipkan latihan ilmiah ini. Sesungguhnya jasa-jasa mereka tidak dapat saya lupakan.

Terima kasih.

Daripada,

Rohana Mohd. Shariff
Jabatan Persuratan Melayu
U.K.M., Bangi.

8 Januari, 1979

KANDUNGAN

					Halaman
Pengantar	***	***	***	***	11
Kandungan	***	***	***	***	111
BAB I	PENGANTARAN				1
	Shop dan objektif kajian	***	***		6
	Metode kajian	***	***	***	10
	Masalah kajian	***	***	***	11
	Latar belakang tempat kajian		***		13
BAB II	ROLA-ROLA KEPIMPINAN DALAM MASYARAKAT ADAT PERPATIH		***		
	Konsep pemimpin dan kepimpinan		***		26
	Konsep pemimpin dan kepimpinan dalam masyarakat Adat Perpatih		***		30
	Syarat-syarat menjadi pemimpin		***		32
	Sifat-sifat pemimpin	***	***		34
	Pantang Larang Pemimpin	***	***		36
	Tugas-tugas Pemimpin	***	***		38
	Institusi Kepimpinan	***	***		39
BAB III	ADAT ISTIADAT DALAM PERLANTIKAN PEMIMPIN-PEMIMPIN MASYARAKAT ADAT PERPATIH				
	Definisi adat	***	***	***	54

**Proses perantikan dan pelaksanaan
adat istiadat**

Buapak	***	***	***	56
Lembaga	***	***	***	60
Undang	***	***	***	74

BAB IV

**ADAT ISTIADAT PERANTIKAN DAN
PERTABALAN YANG DIPERTUAN BESAR
NEGERI SEMBILAN**

Kedudukan Yang Dipertuan Besar	***	87
Adat Istiadat Perantikan dan Pertabalan	***	94

BAB V

KESIMPULAN

Persamaan dan perbezaan dalam adat istiadat perantikan dan pertabalan antara Minangkabau dan Negeri Sembilan	113
Adakah Adat Perpatih bercorak Demokrasi?	126

LAMPIRAN

***	***	***	132
-----	-----	-----	------------

SILABOGRAFI

***	***	***	133
-----	-----	-----	------------

BAB-SATU

Pengenalan

Hidup manusia dipenuhi dengan peraturan tertentu. Tanpa peraturan hidup yang tertentu, matlamat kehidupan yang dirancang tidak akan tercapai. Kita tidak dapat menolak kenyataan bahawa kehidupan manusia terutama dalam masyarakat yang sederhana sentiasa diikat oleh nilai-nilai, adat, pantang larang (taboo) yang harus dipatuhi. Pegangan teguh pada nilai-nilai sedemikian, tidak dapat tidak akan membentangi hidup kita dari tergelincir ke lingkungan yang luar dari batasan dan norma-norma masyarakat.

Salah satu faktor yang sering mengarah dan menentukan perlakuan manusia didalam masyarakat ialah adat. Pelaksanaan adat dapat dilihat dalam suatu bentuk upacara seperti perkahwinan, kematian, mendirikan rumah dan membuka tanah baru, memulakan pekerjaan bersawah ladang dan sebagainya. Pendek kata, adat itu satu sistem pentadbiran dan pemerintahan serta cara hidup berkeluarga, bermasyarakat dan ber-negara dalam masyarakat sederhana. Dari adat tersebut lahirlah peraturan yang mengawal hidup sehari-hari yang menurut istilah sekarang ialah undang-undang negara.⁽¹⁾ Oleh itu, setiap tindak tanduk anggota masyarakat harus tidak membelakangkan adat. Kita tidak dapat nafikan bahawa adat adalah yang bertentangan dengan hukum adat dan agama.

(1) A. Samad Idris, 'Kamajuan dalam Adat Perpatih' dalam Kertas Kerja Seminar Pensejarahan dan Adat Perpatih, Anjuran Majlis Belia Negeri, Negeri Sembilan, pada 10-12 April, 1974. hal. 4.

bahawa soal adat pada orang-orang Melayu adalah soal hidup. Ini ternyata dalam pepatah Melayu:

Hidup dikandung adat
Mati dikandung tanah

Justeru itu, pada hajat saya adat begitu berperanan penting dalam mengujutkan keharmonian hidup bermasyarakat kerana dengan berpegang teguh pada adat, seorang individu itu tidak akan lari dari lunas-lunas yang telah digaris dan ditetapkan oleh masyarakatnya. Tiap masyarakatnya punya nilai dan adat tersendiri. Dengan kata lain, adat adalah satu-satunya sistem nilai, warisan dari generasi terdahulu dan sentiasa melalui proses pemukunan dari satu generasi ke generasi lain. Dalam proses asimilasi pula, berlaku tokek tambah kerana pengaruh yang sering diterima seperti Hindu, Islam dan barat yang telah banyak mewarnakan corak kebudayaan kita.

Dalam memperkatakan penyerapan pengaruh luar keatas adat, ia sudah berlaku berabad-abad lamanya^{nya} contoh paling dekat ialah adat masyarakat Melayu sendiri. Sukar bagi kita untuk menentukanⁿ keaslian adat istiadat orang Melayu kerana unsur-unsur asing lebih berpengaruh. Misalnya, pengaruh pendidikan barat telah mengubah cara berfikir dan berpakaian dikalangan sebahagian golongan muda sehingga ada yang sudah berani memakai pakaian yang bertentangan dengan hukum adat dan ugama. Begitu juga halnya dengan adat istiadat Melayu yang banyak berbau Hindu. Sementara itu kedatangan sebahagian masyarakat Melayu masakini

yang mengamali nilai hidup barat dengan cara meniru orang barat dalam pergaulan, pertuturan dan perhiasan rumah yang sudah tidak melambangkan keperibadian bangsanya lagi.

Meskipun terdapat unsur tidak sihat meresapi masyarakat namun kita tidak dapat menjadikannya sebagai ukuran mutlak untuk mengatakan bahawa ia telah terkeluar dari dasar-dasar adat sebenarnya. Selain dari individu itu punya kebebasan memilih cara hidup sendiri, adat juga bukan merupakan sesuatu yang statik. Ia berubah menurut peredaran zaman. Oleh itu, tidak hairan jika adat yang kita amali kini tidak mengikut garis adat yang asli. Adat juga tidak lagi mengongkong sikap. Sikap negatif orang Melayu mulai berubah mengikut peralihan masa di- samping masyarakat sendiri telah mampu berfikir, menimbang dan menilai mana yang baik dan buruk, yang mendatangkan faedah atau sebaliknya.

Perubahan adat berlaku bila manusia bertambah luas pemikirannya disamping terdedah pada pengaruh luar.

Apa yang jelas ialah perluasan pengaruh asing yang diterima telah mengurangkan peranan adat. Fungsi adat tidak begitu teguh malah akan pupus bila manusia tidak menjadikannya sebagai pedoman hidup. Dengan itu kedudukan adat tidak lagi utuh. Proses pendidikan moden merupakan antara faktor yang mengurangkan perkembangan dan kedudukan adat dalam masyarakat.

Di saat-saat masyarakat menghadapi keruntuhan dalam pegangan adat, kita tidak harus lupa bahwa ada suatu sistem adat yang masih kukuh dan diamali oleh sebahagian masyarakat sebagai satu cara hidup. Sistem adat yang dimaksudkan ialah Adat Perpatih yang.....?

tak lekang dek panas
tak lapuk dek hujan

Mereka yang bermastautin di Negeri Sembilan dan Selatan Manjung merupakan masyarakat yang kuat berpegang dengan adat ini. Sebagai suatu sistem adat, peraturan-peraturan yang asas seperti hidup bersuku, mengira keturunan dari nisab ibu, sistem pewarisan harta pusaka dan sebagainya tidak boleh diubah kerana sekiranya berlaku perubahan, akan runtuh dan musnahlah adat itu.

Secara umum, Adat Perpatih adalah susunan cara hidup yang boleh dibanggakan kerana sifat keasliannya dan peraturan-peraturan hidup yang didasarkan pada prinsip demokrasi. Adat yang melambangkan kemegahan bangsa. (1) Pada pendapat saya, sebagai satu bentuk cara hidup Adat Perpatih memang punya keistimewaan tersendiri yang tidak ada pada sistem lain. (2) Nilai tersendiri antara lain berupa gabungan dari beberapa subsistem seperti sistem kekeluargaan, politik ekonomi, hukum adat dan struktur per lapisan masyarakatnya. Pelaksanaan keseluruhan subsistem ini masih kukuh di Negeri Sembilan.

(1) Ibid, hal. 13

(2) Sistem lain yang dimaksudkan ialah Adat Temenggong.

Sekilas pandang, struktur sistem Adat Perpatih memang memperlihatkan sedikit kecacatan terutama segi perwarisan harta pusaka yang agak bertentangan dengan hukum Islam. Tapi tidak secara langsung ia mengujutkan suatu peraturan hidup yang berlandaskan pada kepentingan hidup bersama dan demokrasi yang merangkumi berbagai aspek kehidupan masyarakat seperti penentuan pentadbiran, pembahagian kuasa, harta pusaka penyusunan prinsip-prinsip nikah kahwin dan lain-lain. Dengan kata lain, falsafah sistem Adat Perpatih yang penting ialah hidup bermuafakat dan saling bantu membantu seperti huraian kata perbilangan ini,

Bulat air dek pemetung
Bulat kata dek muafakat.

Tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa tidak semua masyarakat kita mengenali dan memahami adat ini dengan lebih mendalam. Adat Perpatih yang ditemui sekarang bukan merupakan Adat Perpatih yang seratus peratus dalam bentuk aslinya, tapi ada yang telah berkembang menurut peralihan zaman. Kemaskin agama Islam membawa suatu perubahan bagi Adat Perpatih terutama untuk mencari titik penentuan antara hubungan adat dan agama. Penyelesaian tercapai bila didapati adat dan hukum syara' saling bekerjasama seperti kata pepatah:

Adat bersendi hukum
Hukum bersendi Kitabullah.

Suatu ~~ada~~ persoalan yang sering disentuh ialah apakah sistem Adat Perpatih benar-benar demokrasi? Dan dengan berpandukan ciri-ciri adanya wakil-wakil yang dipilih ramai dan secara undi, bolehkah kita golongkan bahawa sistem politik Adat Perpatih bercorak demokrasi?

Inilah yang penulis akan cuba singkap melalui kajian ini selain dari ^{kajian} utamanya terhadap adat istiadat perantikan.

Skop dan Objektif Kajian

Merujuk pada tajuk latihan ilmiah ini, kajian penulis lebih men-
dekati pada bentuk sistem politik dan unsur-unsur struktur pemimpin dan
kepimpinan dari lain-lain sub-sistem (sistem nilai, kekeluargaan, hukum
adat, sistem perundangan masyarakat dan sebagainya). Penekanan akan di-
beri pada aspek adat istiadat dalam perantikan ketua atau pemimpin
dalam masyarakat Adat Perpatih yang meliputi persoalan siapa dan bagaima-
na bentuk pemilihan dan perantikan dibuat dan selanjutnya gambaran
manusia dalam pelaksanaan adat istiadat itu.

Penulis berminat mengkaji aspek ini, antara lain bertujuan untuk
melihat satu bentuk adat istiadat yang masih lagi diamali oleh sebahagi-
an besar masyarakat Adat Perpatih di Negeri Sembilan dalam upacara me-
lantik ketua. Sebagaimana yang diketahui umum, perantikan seorang
pemimpin dalam masyarakat Adat Perpatih melalui proses yang berbagai-
bagai. Malahan dari segi konsep, syarat, sifat dan penentuan pentang
larang terhadap seorang pemimpin begitu berlainan sekali kalau dibandingkan

dengan proses perlantikan pemimpin biasa (luar dari masyarakat Adat Perpatih).

Struktur kepimpinan masyarakat Adat Perpatih bermula di peringkat terkecil iaitu perut di mana pemimpin di peringkat ini dipanggil 'buapak' di peringkat suku, dikenali sebagai 'Lembaga'. Ketua luak terdiri dari 'Datuk Undang' yang hanya terdapat di luak Rembau, Johol, Jelebu dan Sungai Ujong. Di peringkat tertinggi, didapati 'Yamtuan' (Yang DiPertuan Besar) berkuasa, yang hanya berkuasa di luak Tanah Mengandung khusus Sri Menanti. Pada umumnya pentadbiran di tiap luak atau peringkat dijalankan oleh orang berlainan tapi mempunyai kuasa yang sama. Hal ini akan diperkatakan dalam bab ketiga di mana penulis akan cuba memperlihatkan adat istiadat perlantikan mereka dengan lebih detail.

Penulis ingin menunjukkan bagaimana syarat dan sifat yang harus ada pada seorang pemimpin dan pantang larang yang mesti dipatuhi. Sebenarnya proses pemilihan dan perlantikan agak kompleks sedikit. Kemudian akan diuraikan proses pelaksanaan upacara tersebut, tahap-tahap yang akan dilalui. Pendek kata, susur galur kepimpinan dititikberatkan dalam bab ini.

Selain dari tujuan di atas, penulis juga berharap agar dengan adanya penulisan bercorak demikian ia bukan sahaja diketahui oleh anak negeri, malah harus diketahui oleh masyarakat di luar Negeri Sembilan supaya tidak timbul cemahan di kalangan orang yang kurang menahaminya.

Sisamping itu, penulis menganggap hasil kajian ini ^{sebagai} satu cara untuk memperlihatkan kepada masyarakat umum tentang kemukakan yang terdapat dalam adat ini.

Itu adalah diantara objektif kajian penulis. Menyentuh tentang aspek kajian, penulis akan membuat penyelidikan di daerah Sembilan khusus untuk menunjukkan adat istiadat perantikan buapak, lembaga dan Datuk Undang. Penulis menjangka semoga dengan pemilihan tempat tersebut, ciri yang diperlihatkan di situ akan dapat mewakili ketiga luak lain iaitu Sungai Ujong, Jelebu dan Johol. Dari perspektif umum, didapati ada persamaan dan perbezaan dalam perantikan pemimpin diantara luak. Persamaan terletak pada syarat pemilihan sementara kelainan wujud dari sudut perlaksanaan adat istiadat dan gelaran pemimpin-pemimpin tersebut. Penggantian jawatan pemimpin samada buapak, lembaga, penghulu atau Datuk Undang baru berlaku apabila pemegang-pemegang jawatan yang sedia ada meninggal dunia, kemurahan atau terpecat.

Menurut pandangan umum istilah pemimpin merujuk kepada mereka yang berkuasa, berkebolehan mentadbir dan berperanan membimbing orang lain kearah satu tujuan. Tapi di Negeri Sembilan, peranan pemimpin lebih jelas dalam bidang hukum adat dan kurang dalam lapangan yang berkaitan politik. Oleh itu, pemimpin masyarakat Adat Perpatih dikenali juga sebagai ketua adat. Datuk Undang merupakan pemimpin tertinggi dalam hirarki pemerintahan dan berkedudukan setaraf dengan Yang DiPertuan Besar. Adat istiadat perantikan yang DiPertuan Besar akan juga di-

sentuh. Secara keseluruhan buapak, lembaga, Datuk Undang dan Yang DiPertuan Besar dalam tanggapan penulis merupakan pemimpin-pemimpin masyarakat Adat Perpatih. Proses perlantikan mereka dan adat istiadatnya yang akan cuba diutarakan oleh penulis.

Akhir kata, skop kajian penulis akan terjalin dalam lima bab. Bab pertama, hanya memberi gambaran umum tentang penyelidikan yang akan dijalankan. Harus diingat kajian penulis hanya berdasarkan pada apa yang terdapat ditempat kajian. Jadi, tidak timbul penilaian subjektif kerana pada asasnya terdapat persamaan dalam mengamali adat ini disemua daerah, tapi proses perlaksanaannya agak berbeza.

Bab kedua merupakan bahagian penjelasan konsep pemimpin dan kepimpinan, syarat menjadi pemimpin, sifat-sifat yang harus dimiliki dan pantang larang yang harus dipatuhi oleh pemimpin. Dalam pemilihan, aspek inilah jadi perhatian utama dengan harapan mereka dapat melahirkan pemimpin yang benar-benar ideal.

Bab tiga dan keempat adalah motif kajian penulis yang sebenarnya. Penulis menghuraikan secara terperinci akan setiap adat istiadat diperingkat buapak, lembaga dan Datuk Undang. Begitu juga dengan Yang DiPertuan Besar. Penulis tidak lupa juga membincangkan kedudukan mereka ditengah kelompok masyarakatnya. Bahagian ini begitu menarik bagi penulis kerana terlihat jelas keunikan adat istiadat perlantikan yang tidak ada pada masyarakat lain.

Bab kelima mengandungi kesimpulan penulis. Antara lain berupa catitan ringkas mengenai persamaan dan perbezaan adat istiadat perlantikan di Minangkabau dan Negeri Sembilan. Perbandingan keduanya perlu bagi penulis kerana dapat dilihat aspek-aspek yang telah berubah dan masih kekal. Dalam bahagian lain, penulis ingin membuktikan adakah sistem Adat Perpatih bercorak demokrasi.

Jadi, secara ringkas skop kajian penulis hanya berkisar di sekitar pembicaraan mengenai sistem Adat Perpatih dalam perlantikan pemimpin dan kedudukannya dalam masyarakat. Perbincangan penulis hanya berteraskan pada ciri-ciri yang terdapat ditempat kajian penulis sahaja kecuali perlantikan Yang DiPertuan Besar.

Metode Kajian

Oleh kerana kajian ini berkaitan dengan adat, tidak semua perkara ini termuat dalam tulisan-tulisan tapi ia juga terdapat pada beberapa individu terutama orang yang telah lanjut usianya. Kajian penulis lebih banyak menggunakan metode temu-bual dan rakaman atau dengan kata lain berupa kajian luar. Pada mulanya, penulis bercadang untuk mengidarkan kertas soalan kaji-selidik. Tapi setelah dibuat tinjauan terlebih dahulu, cara demikian tidak dapat menghasilkan jawapan yang memuaskan disamping masalah lain kemungkinan timbul. Tambahan pula, oleh kerana terlalu sedikit bilangan individu yang mengetahui adat istiadat ini, maka penulis rasa penggunaan metode secara temu-bual dan rakaman

dengan beberapa orang ketua adat lebih berkesan.

Sebagai tambahan kepada kajian luar, penulis menggunakan kemurahan dari perpustakaan seperti buku rujukan yang berkaitan. Umumanya beberapa kertas kerja seminar dari penulisan beberapa orang tokoh adat yang telah dibentangkan dalam Seminar Pensejarahan dan Adat Perpatih di Seremban, April 1974 telah menjadi rujukan utama penulis dalam menyempurnakan latihan ilmiah ini.

Masa/lah Kajian

Penulis lagi.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa semasa membuat kajian, penulis tidak lari dari menghadapi masaalah. Oleh kerana kajian penulis berhubung dengan adat, maka sebahagian besar dibuat dalam bentuk kajian luar. Di sini, masaalah yang timbul adalah berupa kesukaran masa dimana kajian ini dilakukan pada masa cuti antara semester pertama dan kedua. Jadi, menandakan masa yang begitu terhad tentu sekali tidak mengizinkan penulis membuat kajian secara terperinci. Demikian juga halnya untuk menemui orang berkebolehan terutama ketua-ketua adat. Penulis menghadapi kesukaran kerana kebanyakan mereka tinggal di merata-rata bahagian perkampungan. Bagaimanapun penulis telah berusaha menemui mereka sekalipun dalam bilangan sedikit. Mereka terdiri dari

- (1) Datuk Sri Maharaja Abu Kassim b. Abdul Rahman
dari suku Paya Kumboh, Datuk Lembaga sebelah ^{darat} ~~baroh~~.
- (2) Datuk Maharaja Inda Samad b. Hassan, dari suku
Tanah Datar, Datuk Lembaga sebelah ^{baroh} ~~darat~~.
- (3) Datuk Perba Abdul Aziz b. Hussein, Ketua waris
suku Biduanda dan Pengerusi Jemah Pemilih.

Walaupun, hanya tiga informan sahaja yang ditemui penulis tapi mereka dapat memberi informasi yang mencukupi. Dari kajian latar belakang mereka, informan-informan ini telah bertugas sejak tahun lima puluhan lagi. Ini bererti pernah mereka terlibat dalam penyelenggaraan melantik pemimpin baru seperti perlantikan Datuk Undang Sedia Raja Adnan bin Mah pada tahun 1963 dan pertabalan Yang DiPertuan Besar Negeri Sembilan iaitu Tuanku Jaafar Ibn Almarhum Tuanku Abdul Rahman, pada 1967. Oleh itu, apa yang disampaikan penulis dalam kajian ini berasaskan pada pengalaman informan dalam penyelenggaraan adat istiadat itu.

Faktor dialek juga merupakan masalah yang dihadapi penulis. Penulis merasa agak sukar untuk memahami bahasa perbualan penduduk tempatan iaitu dialek Negeri Sembilan. Tapi, masalah ini dapat diatasi sedikit kerana bantuan dari beberapa orang saudara penulis. Oleh kerana penulis tidak dapat melihat sendiri warisan upacara adat istiadat tersebut, kerana sudah berlaku beberapa tahun lalu, penulis menjangka akan timbul perselisihan pendapat antara tokoh-tokoh adat

ini. Tapi, penulis mengatasinya secara membuat kesimpulannya sendiri dengan cara membandingkan pendapat tersebut.

Jadi, hasil dari kajian ini penulis akan merakamkannya secara bab demi bab dalam bentuk pandangan dan ulasan.

Latar Belakang Tempat Kajian

Penulis menggunakan latar belakang tempat kajian cuma untuk menunjukkan adat istiadat dalam perlintikan buapak, lembaga dan Datuk Undang sahaja.

Luak Rembau merupakan salah satu daripada kombinasi sembilan buah daerah di Negeri Sembilan. Pernah dikatakan sebagai daerah yang kukuh dalam mengamuti adat Perpatih. Sebagai sebuah daerah yang merdeka dan berdaulat, Rembau terletak di bahagian Selaytan Negeri Sembilan yang bersempadan dengan daerah Tampin, Seremban, Kuala Pilah, Maning dan Port Dickson. Dari segi geografis, luas Rembau lebih kurang 400 batu persegi⁽¹⁾ dengan muka buminya di kelilingi oleh bukit bukau dan dialiri oleh dua batang anak sungai iaitu Sungai Rembau dan Sungai Pedas, yang mengalir ke Sungai Linggi. Mengikut lapuran statistik Pejabat Daerah Rembau, sehingga tahun 1974, penduduk Rembau berjumlah 39,842 orang.

(1) Abd. Samad Idris, Negeri Sembilan dan Sejarahnya, Percetakan Utusan Melayu, K. Lumpur 1968 hal. 164.

Saperti negeri lain, ciri-ciri 'peasant' terlihat jelas di mana terdapat banyak perkampungan Melayu terutama di Mukim Chengkau, Chembong, Istana Raja, Kota, Sungai Layang, Batu Hampar, Selemak dan sebagainya. Rata-rata penduduk Rembau terdiri dari orang Melayu, tetapi tidak kurang juga kaum Cina dan India. Sungguhpun Rembau merupakan sebuah daerah kecil tapi ia mengikuti arus pembangunan. Pekan Rembau dilengkapi dengan pejabat-pejabat penting saperti Pejabat Pos, Mahkamah, Pejabat Daerah, Balai Polis, sekolah saperti Sekolah Vokesy-nel Sains Rumah Tangga, Sekolah Pertanian dan beberapa sekolah rendah dan menengah. Malah 'Balai Undang' dan tempat kediaman Datuk Undang juga terletak disitu. Saya kira, keterangan berhubung dengan latar belakang tempat kajian lebih berkesan jika ada pengkhususan kajian saperti Sejarah Rembau secara ringkas, adat istiadat serta sosial, politik dan ekonomi.

Sejarah asal usul nama Rembau

Agak sukar untuk menentukan dengan tepat sejarah nama Rembau kerana kekeliruan timbul bila fakta sejarah yang ada dipengaruhi oleh cerita dongeng. Meneliti dari aliran sejarah, kebanyakan nama tempat mengambil cempena dari satu peristiwa atau nama pokok. Umpamanya nama Melaka diambil dari nama sebatang pokok, Semudera dari 'semut yang besar', Perak beroleh nama dari anak panah Perak, maka dalam hal ini, nama Rembau tidak terkecuali. Menurut Abdul Samad Idris, nama Rembau

mengambil sempena dari pokok Merbau. (1) Ini berdasarkan pada cerita orang asli yang juga merupakan penceroka awal disitu. Aspek lain yang juga ada, ialah nama 'Merbau' yang dikaitkan dengan asal tercipta nama Rembau bermula apabila sekumpulan orang asli yang mula meneroka Rembau turun dari Gunung ke kampung Kota dimana mereka berasa hairan bila menemui sebatang pokok merbau yang terlalu besar dan tingginya luar biasa. Oleh kerana kawasan disitu sesuai dijadikan kawasan penempatan yang baik, jadi mereka berikhtiar cuba menebang pokok tersebut yang memakan masa hampir dua minggu sambil berdoa kepada keramat Gunung Datuk dan Gunung Ledang bernehon keizinan. Pokok merbau itu tumbang akhirnya, tetapi dalam bentuk yang begitu unik. Ukuran besar pada pangkal perapangan kayu itu dapat disamakan dengan dua belas kali hidangan nasi, sementara panjang hujung kayu itu seumpama panjang sebatang anak sungai. Maka hujung kayu itu dinamakan Sungai Ujong. Jadi dari peristiwa itulah nama Rembau terbentuk.

Kebenarannya agak sukar diakui jika ditinjau apakah hubungan antara Merbau dan Rembau. Mungkinkah 'Mer' itu terbalikkan perkataannya menjadi 'Rem' manakala perkataan 'bau' dikeskalkan, lalu melahirkanMerbau: Rembau.... kini masih jadi persoalan. Yang jelas sekarang, nama Rembau adalah terbitan sempena dari nama pokok merbau.

Saya kira, asal usul nama Rembau, tidak menjadi perhitungan.

Apa yang lebih penting terletak pada situasi masyarakatnya yang begitu teguh berpegang pada adat. Penduduk asli Rembau terdiri dari puak Jakun yang dikenali dengan nama Biduanda atau Mentera tapi malangnya penerokaan mereka ke kawasan ini tidak diketahui. Tapi, orang Minangkabaulah yang bertanggungjawab membawa Adat Perpatih ke Rembau. Setelah sekian lama melalui proses penyesuaian, iaitu implikasi dari proses penyemendaan, maka ujudlah penduduk Rembau seperti hari ini.

Sistem Sosial Adat Perpatih di Rembau

Dari kajian penulis, masyarakat Adat Perpatih seperti yang terdapat di tempat kajian, susur galur keturunannya adalah mengikut sebelah pihak perempuan (masyarakat matrilineal). Jadi, sistem kemasyarakatannya berbeza dari sistem kemasyarakat^{an} dalam Adat Temenggong, iaitu mementingkan pihak lelaki sahaja dari pihak perempuan. Tidak semua dua belas suku terdapat di luak Rembau. Secara 'am, suku Biduanda, Tanah Datar, Seri Semelenggang, Batu Hampar dan Nyngkal lebih ramai mendiami luak ini. Sungguhpun kelihatan perpecahan dari segi pembahagian suku-suku tapi masih mendukung falsafah hidup bersama. Anggota-anggotanya bernesra dan padu di mana tiap anggota masyarakat secara spontan berasa 'conscious' terhadap kedudukan mereka serta tanggungjawab sebagai anggota suku. Sentiasa hidup bermuafakat. Muafakat dalam erti kata bertimbang rasa, tolong menolong, bersefahaman, sana rata, patuh, setia, hormat menghormati dan jujur sebagaimana kata pepatah.

Berat sama dipikul
Ringan sama dijinjing
Jika khabar baik diberitahu
Jika khabar buruk serentak didatangi

Rasa perpaduan ini jelas dapat kita lihat menerusi penglihatan

individu bila mengadakan fungsi sosial seperti bergotong royong, khenduri kahwin, kematian dan bersawah ladang. Mereka tolong menolong antara satu sama lain kerana mereka sedar pada satu ketika nanti, mereka akan mengharapkan pertolongan seperti yang mereka lakukan pada anggota lain.

Dalam aktiviti sosial, unit masyarakat yang paling penting bertumpu pada keluarga. Disamping anggota keluarga ini, ia dibantu oleh waris yang kedim, waris yang sekedim dan waris yang sepertit, anggota sesuku dan keseluruhan anggota masyarakat. Dari segi adatnya di Rembau, istiadat mengambil anak angkat dipanggil berkedim. Pada

masa istiadat ini, kanak-kanak lelaki atau perempuan dimasukkan suku mengikut suku ibu bagi suatu keluarga yang melakukannya seperti mengambil anak perempuan Cina. Menerusi adat ini juga, anak angkat tersebut boleh mewarisi harta pusaka ibunya. Istiadat berkedim di Iunk Rembau telah dibatalkan pada tahun 1935 oleh Allahyarham Yang Amat Mulia Undang Datuk Lela Maharaja Haji Ipap b. Abdullah iaitu Undang Rembau yang ke 19. (1)

(1) Informasi dari Datuk Maharaja Inda Samad b. Hassan, Datuk Lembaga Suku Tanah Datar, daerah baroh yang ditemui bual penulis pada 4.11.78.

Dikalangan anggota keluarga, panggilan ke atas tiap anggota tersebut melambangkan rol atau status mereka. Misalnya, panggilan 'abah' dan 'amak', panggilan pada anak-anak mengikut susunan adik-beradik seperti 'alung' (sulung), 'engah' (tengah), 'andak', 'acu' dan 'acik'.

Sistem Politik Tradisional Rembau

Rembau seperti daerah lain di Negeri Sembilan punya pentadbiran tersendiri. Batas-batas sempadan kekuasaan politik bagi seorang ketua adalah berpadukan luras-luras adat.

Alan beraja
Luak berpenghulu
Suku bertua
Anak buah beribu bapa
Orang semenda ditempat semenda.

Secara keseluruhan, kekuasaan politik luak Rembau yang berundang dan berlembaga terbahagi dua, iaitu di darat dan di baroh. Di puncak hirarki sistem politik tradisi ialah Undang, yang berkuasa penuh di luaknya. Dari tahun 1963 hingga sekarang jumlah Undang yang telah mentadbir luak Rembau ialah 20 orang. Fungsi Undang ialah berkuasa mentadbir didalam luaknya. Ia mengetuai adat istiadat dalam luak disamping menyelesaikan masalah adat dan harta pusaka yang tidak dapat diselesaikan oleh Datuk Lembaga. Ia juga berhak menghalau keluar orang yang bersalah seperti menentang adat, menerima dan mengajar ajaran Islam

yang menyeleweng. Jadi, peranan Undang tidak terhad, sebagai penyelesaian masalah tapi juga sebagai ketua ugama.

Hak untuk menyandang jawatan Undang ini hanya boleh diwarisi oleh suku Biduanda yang dipercayai suku asli di luak ini. Suku Biduanda yang bergelar-gelar mewaris jawatan Undang itu adalah terdiri dari perut Lela Maharaja (Jakun) dan perut Sedia Raja (Java).⁽¹⁾ Kedua perut ini mempunyai lembaga yang bergelar Datuk Purba. Undang yang mendiami Balai Undang mempunyai pembantunya seramai empat orang yang bergelar, 'Orang Besar Undang' iaitu Syah Bandar, Datuk Mangku, Datuk Raja dan Datuk Menteri. Selepas institusi Undang, muncul pula institusi Lembaga.

Tiap-tiap suku dalam masyarakat Adat Perpatih adalah terdiri dari orang yang berketurunan dari nisab ibu. Untuk memudahkan mengawasi ahli bagi menjalankan suatu urusan adat, maka dikalangan suku tadi dilantik seorang ketua yang bergelar Datuk Lembaga. Fungsi

berikut seperti perantaraan hari, kemudian, kemudi...

- (1) Di luak Rembau, hanya suku Biduanda sahaja yang berhak mewarisi jawatan Undang.

Perut Lela Maharaja (Biduanda asal) - Keturunannya dipercayai berbangsa Jakun yang bermula dari hasil perkahwinan Tuk Lela Balang Bidara dengan Tuk Bungkal (anak perempuan Eatin Sekudai penghulu suku asli di Rembau).

Perut Sedia Raja (Biduanda dagang) - timbul dari hasil persembendaan Datuk Laut Dalam (adik Tok Lela Balang) dengan isterinya berbangsa Jawa. Keturunan mereka kemudiannya berkahwin dengan penduduk tempatan.

Lihat juga: Kertas Kerja Seminar Pensejarahan Adat Perpatih - Anjuran Majlis Belia Negeri, N/Sembilan 10 - 12, April, 1974.

Datuk Lembaga ialah menjaga sukunya, menyelesaikan masalah yang berkaitan dengan harta, adat perceraian, pergaduhan dan semua pertelingkahan atau masalah yang tidak dapat diselesaikan oleh buapak. Jika Datuk Lembaga gagal menyelesaikan masalah itu, maka kes itu akan dibawa ke hadapan Undang. Nordin Selat mensifatkan peranan Lembaga sebagai 'the chief who deals with custom'. (1)

(1) Nordin Selat, *Sistem Sosial Adat Perpatih*, Penerbitan Utusan Melayu, K. Lumpur 1975, hal. 75.

Diperingkat perut juga ada institusi politik yang dikenali dengan nama buapak. Ketua bagi tiap-tiap satu perut ini dipilih dari kalangan ketua keluarga. Dalam hubungan dengan anak buah, buapak atau singkatan dari perkataan ibu-bapa, punya pertalian rapat. Tidak hairan jika segala hal ehwal anak buah harus diketahui olehnya. Dalam majlis perkahwinan misalnya, buapak bertugas menerima mas kahwin disamping mengesahkan jumlah mas kahwin yang diterima dari pihak pengantin lelaki. Menurut kebiasaan di Rembau, hantaran mas kahwin bagi gadis ialah \$22 sementara \$11 bagi janda. Jumlah dan jenis harta yang dimiliki oleh anak buah harus diketahui oleh buapak dengan tujuan supaya mudah dicari penyelesaian sekiranya berlaku salah satu dari kekecuaan berikut seperti pewarisan harta, perceraian, kematian dan sebagainya.

Secara keseluruhan, sistem politik Rembau tersusun rapi. Bermula dari peringkat Undang membawa keunit terkecil iaitu perut. Baik Datuk Undang, Lembaga maupun buapak, masing-masing bertanggungjawab

(1) Nordin Selat, *Sistem Sosial Adat Perpatih*, Penerbitan Utusan Melayu, K. Lumpur 1975, hal. 75.

untuk mengujudkan kesejahteraan hidup anak buahnya. Jadi, tugas mereka berkaitan seperti menurut gambaran perbilangan,

Bulat anak buah menjadikan buapak
Bulat buapak menjadikan lembaga
Bulat lembaga menjadikan Undang
Bulat Undang menjadikan raja

Sistem Ekonomi Rembau

Menjalani aktiviti ekonomi merupakan suatu cara untuk hidup.

Bagi masyarakat Adat Perpatih di Rembau, penglibatan diri dibidang

ekonomi bertujuan untuk mendapat dan mengumpul harta sebanyak mana yang boleh. Jumlah pemilikan harta menjadi ukuran dalam menentukan kedudukan individu dikalangan masyarakatnya. Tambahan pula, pemilikan harta oleh individu juga ada hubungannya dengan maruah dan harga dirinya.

'Emas pendinding malu

Hilang bangsa dek tak berharta'

Justeru itu, taraf kedudukan dan maruah diri terletak pada jumlah harta yang dimiliki. Harta tersebut, selain dari kegunaan sendiri, ia disalurkan kepada anggota keluarga^{lain} bagi memenuhi tujuan seperti kematian, perkahwinan, upacara melantik ketua dan sebagainya. Kedudukan individu, kaum keluarga atau suku akan terjejas seandainya mereka tidak mampu menguruskan salah satu dari perkara diatas.

Harta asas bagi masyarakat Rembau ialah tanah pusaka baik dimiliki secara individu maupun kolektif. Samada dalam bentuk rumah atau tanah sawah, nilainya tidak boleh berkurangan malah digalakkan menokok tambah. Ditengah ini juga, mereka bercucuk tanam dan berternak ayam itik. Biasanya, masyarakat adat Perpatih di Rembau memperolehi tanah secara warisan iaitu melalui sistem pembahagian harta pusaka dan menerusi usaha dan titik peluh sendiri. Hasil pertanian secara kecil-kecilan hanya untuk keperluan sendiri. Selain dari itu, ada diantara mereka menjalankan perniagaan seperti berniaga barang-barang runcit, membuka kedai makanan dan sebagainya.

Saya agak kecewa bila mendapati sikap rajin berusaha tertanam di jiwa masyarakat Adat Perpatih di Rembau, semata-mata untuk mencari harta. Tapi, agak kesal, bila perasaan tamah haloba menyelubungi mereka, akibat dari memiliki harta yang banyak.

Dimana-mana jua pun, soal pekerjaan sering menjadi masaalah. Begitu juga di Rembau, peluang-peluang pekerjaan untuk belia berkurangan. Oleh itu, mereka digalakkan merantau, dengan harapan dapat menimba harta sebanyak mungkin dan membawa pulang ke kampung agar dapat saudara mara menumpang menikmati kemewahan itu bersama. Lurahnya, mereka merantau disebabkan oleh desakan ekonomi dan tolakan adat misalnya tidak puas hati terhadap pembahagian harta.

Menurut taburan tanaman di Rembau, hasil pertanian yang utama ialah padi dan getah.

Padi

Padi merupakan tanaman sara diri. Kawasan penanaman padi biasanya terletak berhampiran dengan rumah dan tidak dalam jumlah yang luas. Antara kawasan penanaman padi ialah Pedas, Kampung Batu, Selemak, Bintongan, Miku, Bongek, Sungai Layang, Kundur dan banyak lagi. Pen-gerjaan sawah masih dalam bentuk tradisi seperti bergotong royong, menyeraya dan pendua meskipun ada cara pertanian moden diperkenalkan. Mengikut keterangan tuan punya tanah sawah, kebanyakan tanah mereka adalah tanah pusaka warisan peninggalan datuk neneknya. Sepanjang pemerhatian penulis, terdapat juga kawasan penanaman baru yang terdiri dari tanah lembah dan paya yang telah dibersihkan.

Getah

Getah menjadi sumber pendapatan penting di Rembau. Tanah pusaka selain ditanam dengan padi, ia juga digunakan untuk penanaman getah. Hampir setengah dari penduduk Rembau bergantung hidup pada perusahaan getah samada mengusahakan sendiri atau mengambil upah. Perusahaan sendiri biasanya mendapat bantuan dari anak isteri dan secara kecil-kecilan dan hasilnya cukup untuk perbelanjaan seharian. Berhampiran dengan kebun getah, penulis mendapati dusun buah-buahan

saperti durian, manggis, rambutan, ciku, mangga dan sebagainya. Buah-buahan juga merupakan sumber pendapat^{an} mereka. Bila tiba musin buah-buahan, mereka berhenti menoreh buat sementara waktu untuk menjual hasil buah-buahan tadi.

Kesimpulan

Berasaskan pada objektif dan skop kajian, penulis menarik kesimpulan bahawa adat berupa suatu peraturan hidup. Adat Perpatih bukan merupakan satu pengujudan kebudayaan yang asli tapi ia dibawa dari alam Minangkabau iaitu tempat terciptanya adat Perpatih itu sendiri. Sungguhpun pengamalan adat ini sekarang sudah agak longgar di kalangan generasi muda, namun beberapa adat istiadat dan upacara masih mengikuti peraturan yang asal.

Dalam kunjungan ke luak Rembau, penulis dapati ciri-ciri perpaduan antara anggota masyarakat masih kukuh dan teguh. Adat istiadat perkahwinan dan sistem perwarisan harta umpamanya masih mengikuti dasar-dasar Adat Perpatih yang sebenarnya. Segi politik, pentadbiran tersusun rapi seolah-olah suasana politik mereka tidak pernah bergolak. Disini, kita dapat lihat semacam ada dasar pembahagian kuasa atau desentralisasi yang bukan diperingkat negeri tapi diperingkat kelompok masyarakat itu sendiri. Ini menunjukkan betapa kemasnya politik dan pentadbiran dalam masyarakat Adat Perpatih.

Dengan yang demikian penulis berharap semoga kajiannya ini akan memberi manfaat kepada pembaca disamping masyarakat di luar Negeri Sembilan akan mengetahui serba sedikit mengenai struktur masyarakat Adat Perpatih serta subsistemnya. Dengan memahami keadaan ini, maka akan terhapuslah kekeliruan mereka terhadap adat ini yang berpunca dari kejahilan mereka tentang sistem nilai adat itu sendiri.

LAMPIRAN 1

SENARAI PENYANDANG-PENYANDANG
PUSAKA UNDANG REMBAU

BIL	TAHUN	NAMA	WARIS	KAMPUNG
1.	1540-1555	Datuk Lela Maharaja Seri Rama	Jakun	Kota
2.	1555-1605	Datuk Onbo	Jawa	-
3.	1605-1620	Datuk Langgang	Jakun	Kota
4.	1620-1645	Datuk Pandak	Jawa	Kg. Tengah
5.	1645-1660	Datuk Usm (Puteh kepala)	Jakun	Kg. Chengkau
6.	1660- ?	Datuk Sagah	Jawa	-
7.	?	Datuk Kusrp	Jawa	-
8.	? -1750	Datuk Sabat	Jawa	-
9.	1750-1790	Datuk Lulinsch	Jakun	Kg. Chengkau
10.	1790-1795	Datuk Pekat	Jawa	Kg. Tengah
11.	1795-1812	Datuk Kusil	Jakun	Kg. Tebat
12.	1812-1819	Datuk Bogok	Jawa	Kg. Bukit
13.	1819-1838	Datuk Ngenit	Jakun	Kg. Chengkau
14.	1838-1871	Datuk Akhir	Jawa	Kg. Pulau
15.	1871-1883	Datuk Hj. Sahil	Jakun	Kg. Chengkau
16.	1883-1905	Datuk Serun b. Saidin	Jawa	Kg. Tengah
17.	1905-1922	Datuk Hj. Sulong Miah	Jakun	Kg. Gekung
18.	1922-1938	Datuk Abdullah b. Hj. Dahan	Jawa	Kg. Tanjung
19.	1938-1962	Dt.Hj.Ipap b. Abdullah	Jakun	Kg. Kota
20.	1963-	Dt.Hj.Adnan b. Masih	Jawa	Kg. Bukit

Petikan dari A. Samad Idris, Negeri Sembilan dan Sejarahnya,
Utusan Melayu, K.L. 1968.

* Senarai ini tidak begitu tepat terutama pada tarikh dan nama
kerana tiada peringatan bertulis dijumpai.

Bibliografi

Abdul Samad Idris, Negeri Sembilan dan Sejarahnya,
Pencetakan Utusan Melayu, K. Lumpur 1968.

Abdul Rahman b. Muhammad, Dasar-dasar Adat Perpatih,
Pustaka Antara, K. Lumpur 1964.

Abbas b. Hj. Ali, Rendah, Sejarah Perlembagaan dan Adat Istiadatnya,
Pencetakan Pertama, Kerajaan Johor, 1953.

Abdullah Siddik, Pengantar Undang-Undang Adat di Malaysia,
Penerbit Universiti Malaya, K. Lumpur, 1973.

A.M. Dabik Marican Batusih & D.M. Bugindo Tanamah, Adat Adat dan
Adat Minangkabau, Penerbit N.V. Pustaka Aseli, Djakarta, 1957.

Gould & Kolb, A Dictionary of Social Sciences,
Tavistock Publication, London 1964.

Hocker, M.B., Adat Law in Modern Malaya,
Oxford University Press, K. Lumpur, 1972.

Hocker, M.B., Reading in Malay Adat Law,
Singapore University Press, Singapore, 1970.

Josselin de Jong, P.E., Minangkabau and Negeri Sembilan,
The Hague, 1951.

Lister, Martin The Negeri Sembilan, Their Origin and Constitution,
Government Printing, Singapore. (JSENAS, vol. XIV, 1967).

M.D. Mansoor, Sedjarah Minangkabau, Ehratera,
Djakarta, 1970.

M.A. Manafiah (Prof), Tinjauan Adat Minangkabau, 1970.

Nordin Selat, Sistem Sosial Adat Perpatih,
Utusan Melayu Sdn. Bhd., K. Lumpur, 1975.

Syed Hussein Ali, Masyarakat dan Pimpinan Kampung di Malaysia,
Penerbit Pajar Bakti Sdn. Bhd., K. Lumpur, 1977.

Swift, M.G. Malay Peasant Society in Jelohi,
The Anthlone Press, New York, 1965.

Milkinson R.J., Papers on Malay Subject,
Oxford University Press, K. Lumpur, 1971.

Rujukan dari thesis dan Kertas Kerja

Kamariah Sabih, "Penyesuaian dalam Adat Perpatih"
Latihan Ilmiah untuk Ijazah Sarjana Muda Sastera (B.A.)
Jabatan Pengajian Melayu,
Universiti Malaya, K. Lumpur, 1967.

Zainal Kling, "Sistem Kekeluargaan di Melaka Utara",
Latihan Ilmiah untuk Ijazah Sarjana Sastera (H.A.)
Jabatan Pengajian Melayu,
Universiti Malaya, K. Lumpur, 1969.

Kertas Kerja Seminar Pensejarahan dan Adat Perpatih,
Anjuran Majlis Belia Negeri,
Seremban, Negeri Sembilan yang berlangsung pada 10 - 12 April, 1974.

Panitia Seminar Sejarah dan Kebudayaan Minangkabau, Padang, 1970.